

Bab 2

Cabaran Merealisasi Wawasan 2020



Pada tahun 1991, Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri pada ketika itu, memperkenalkan Wawasan 2020, wawasan yang baru dan berani bagi Malaysia. Sepanjang dekad sebelum itu, negara kita berkembang pada kadar purata 8% setahun. Tiba waktu tersebut, kita memerlukan objektif dan matlamat prestasi yang baru. Sasaran kita yang baru adalah “menjadi sebuah negara maju dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kita memutuskan, masa yang logik, mudah dan sesuai adalah tahun 2020. Bagi pakar optometri, 2020 adalah tahap penglihatan yang sempurna, dan kita impikan penglihatan sempurna untuk melihat masa depan kita.”¹⁰ Wawasan 2020 adalah unjuran yang optimistik, kerana kadar pertumbuhan yang mahu dicapai adalah 7% setahun dalam 30 tahun, di antara 1991 dan 2020.

Tambahan lagi, kita mahukan pembangunan Malaysia diukur lebih luas daripada tahap KDNK. Kita tidak mahu mengorbankan nilai moral bagi tujuan pertumbuhan ekonomi. Kita mahu memastikan, masyarakat kita bertambah maju sebagai masyarakat berbilang kaum dan mampu berkongsi segala kekayaan yang bakal dihasilkan.

“...setiap negara maju ada kekuatannya tersendiri. Tetapi, setiap negara maju juga ada kelemahan. Kita masih dapat berkembang dan maju ke hadapan mengikut acuan kita sendiri, tanpa meniru negara lain. Selain daripada pembangunan ekonomi, Malaysia juga perlu maju dalam pelbagai dimensi seperti aspek politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya. Malaysia perlu dibangunkan sepenuhnya, terutama dari segi perpaduan negara dan sosial, dalam aspek ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, kualiti hidup, nilai sosial dan rohani, kebanggaan negara dan tahap keyakinan.”

Tun Dr Mahathir Mohamad, “Kertas Kerja – The Way Forward” disampaikan kepada Majlis Perdagangan Malaysia, 28 Februari 1991

2.1 Matlamat ekonomi dan sosial yang tinggi bagi Wawasan 2020

Sejajar dengan Wawasan 2020, kita komited untuk mencapai sembilan matlamat, yang merangkumi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologikal dan kebudayaan. Secara kolektif, ia adalah set sasaran yang mencabar bagi Malaysia. Kita cuma ada tempoh masa sedekad lagi. Kita harus mengingatkan diri kita, apa keadaan kehidupan di Malaysia yang diimpikan pada masa hadapan, apabila kita berjaya mencapai semua matlamat tersebut.

- Kita akan menjadi negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Negara kita adalah negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, berkerjasama sepenuhnya
- Kita akan menjadi masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia akan dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa, dan dihormati oleh rakyat negara lain
- Kita akan menjadi masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun
- Kita akan menjadi masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama, dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi

¹⁰ Tun Dr Mahathir Mohamad, “Revisiting Vision 2020: New Challenges for Malaysia”, dari Readings on Development: Malaysia 2057, edisi Nungsari dan Suryani, Kuala Lumpur: Khazanah Nasional Berhad, 2009, ms. 4

- Kita akan menjadi masyarakat liberal dan bertolak ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara
- Kita akan menjadi masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan
- Kita akan menjadi masyarakat penyayang dan mempunyai budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri dan kebajikan insan tidak berkisar kepada negara atau individu tetapi di sekeliling sistem kekeluargaan yang kukuh
- Kita akan memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi, iaitu, masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama di mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi dan kemunduran ekonomi berdasarkan kaum
- Kita akan menjadi masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental


2.2 Kita sudah maju dan mara ke hadapan sejak pengumuman Wawasan 2020

Di bawah bimbingan mantan pemimpin dan pemimpin masa kini dan melalui kerja keras rakyat, kita berjaya mara ke hadapan ke arah mencapai Wawasan 2020.

2.2.1 Tahap pembangunan ekonomi Malaysia berjaya mengatasi kebanyakan negara maju


Dari tahun 1991 sehingga 2008, ekonomi Malaysia bertumbuh pada kadar purata 6.2% setahun (Gambarajah 2.1). Prestasi kita lebih baik daripada ASEAN (Persatuan Negara-negara Asia Tenggara) secara keseluruhan dan lebih baik daripada kebanyakan ekonomi maju seperti Kesatuan Eropah (EU), Jepun dan Amerika Syarikat (USA). Malaysia mampu bertahan dalam menghadapi cabaran serantau dan global, seperti krisis kewangan tahun 1997-98, kemelesetan selepas kejadian 11 September (2001), wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) pada tahun 2002-2003, dan kemelesetan ekonomi 2008-09. Tambahan lagi, respons Malaysia yang tersendiri terhadap krisis kewangan 1997-98, menggunakan kawalan mata wang dan kawalan modal dengan berkesan, dipuji oleh ramai pakar ekonomi global terkemuka.

Gambarajah 2.1



Tatkala negara kita maju ke hadapan, kita juga berusaha melindungi rakyat yang berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik. Ini dapat dilihat dalam pengurangan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar (Gambarajah 2.2). Walaupun masih banyak lagi yang perlu dilakukan, seperti yang akan dibincangkan dalam Bab 9 nanti, pencapaian Malaysia dalam membentaras kemiskinan cukup membanggakan.


Gambarajah 2.2



2.2.2 Peningkatan pembangunan manusia dan kualiti hidup

Sepanjang dua dekad lepas, taraf kehidupan di Malaysia meningkat dengan signifikan dan kita amat bersyukur dengan pencapaian ini. Rakyat dapat hidup dengan lebih lama (buktinya adalah pengurangan kematian bayi dan jangka hayat lebih tinggi – Gambarajah 2.3). Lebih ramai menerima pendidikan asas seperti membaca dan menulis. Rakyat Malaysia semakin mampu menguasai ilmu teknologi. Peningkatan ketara penembusan sistem teknologi selular, Internet dan komunikasi jalur lebar, memyumbang kepada perkembangan pesat dalam dunia blog dan pelbagai aktiviti dalam talian yang lain. Kandungan dan aplikasi Internet semakin meluas dan berinovasi, menjadikan kehidupan kita lebih bermakna, semakin mudah dan lebih berpengetahuan.

Gambarajah 2.3




Malaysia juga membangun secara signifikan dalam proses penyediaan infrastruktur asas luar bandar. Misalnya, dari 2006 hingga 2008,

- Secara kasar, 220 kilometer jalan baru dibina atau dinaiktaraf
- Kira-kira 10,000 rumah mendapat manfaat kemudahan elektrik
- Sekitar 18,000 rumah mendapat akses air bersih atau air yang telah dirawat
- Kira-kira 7,000 rumah dibina atau dibaikpulihan di kawasan luar bandar bagi penduduk miskin

Sesungguhnya, indeks domestik dan antarabangsa membuktikan peningkatan tahap kualiti hidup di Malaysia. Sejak 1990, Indeks Pembangunan Manusia (HDI), di bawah Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), yang mengukur perubahan dalam aspek tertentu seperti jangka hayat, literasi dan pendapatan per kapita, mencatatkan tahap peningkatan berterusan di Malaysia. Indeks itu meningkat daripada 0.737 dalam tahun 1990, kepada 0.797 pada tahun 2000 dan 0.829 pada tahun 2007.

Indeks Kualiti Hayat yang dilaporkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) Malaysia adalah satu lagi bukti yang mengukuhkan tahap peningkatan kualiti hidup. Indeks ini mengukur aspek-aspek kritikal kualiti hidup di Malaysia sejak tahun 1990 (nilai dasar adalah 100). Sepanjang dua dekad lepas, indeks menunjukkan peningkatan dalam pelbagai aspek, kecuali persekitaran dan keselamatan awam (Gambarajah 2.4).

Gambarajah 2.4



2.2.3 Peningkatan kualiti perkhidmatan awam dan adaptasi dengan perubahan persekitaran

Sepanjang dua dekad lepas, pelbagai perubahan dituntut oleh rakyat jelata bagi meningkatkan tahap kualiti dan kuantiti perkhidmatan awam. Kami menyahut cabaran ini dengan melaksanakan pelbagai program yang bertujuan mempertingkatkan perkhidmatan kepada rakyat dan menjadikan perkhidmatan kami lebih cepat dan mudah. Pelaksanaan penting adalah seperti berikut:

- a. **Meluaskan penggunaan teknologi:** Misalnya, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) mendahului pelbagai usaha dalam melaksanakan kerajaan elektronik dan penggunaan teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT) merentasi kementerian dan agensi kerajaan. Aplikasi yang diiktiraf secara global dan memenangi pelbagai anugerah, seperti myGovernment dan portal eKL, berjaya memberi ruang kepada rakyat menggunakan Internet bagi berurusan terus dengan pegawai perkhidmatan awam dengan lebih cepat dan mudah.

Satu lagi aplikasi popular yang disediakan bagi kemudahan rakyat adalah sistem pemfailan borang cukai pendapatan individu secara elektronik. Kini, bayaran balik cukai bagi pemfailan melalui Internet dapat diproses dalam hanya 14-30 hari, berbanding setahun sebelumnya.

- b. Peningkatan kecekapan operasi:** Contohnya, penubuhan satu pusat setempat oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) bagi mempercepatkan pemerbadanan syarikat. Dalam urusan permohonan passport, kita juga berbangga dengan Jabatan Imigresen, yang mampu mengeluarkan passport lengkap dalam masa yang tercepat di dunia, iaitu passport dapat disiapkan dalam tempoh dua jam.

Satu lagi pembaharuan bagi meningkatkan kecekapan persekitaran perniagaan, adalah penubuhan dua Bahagian Mahkamah Komersial baru bagi mempercepatkan perbicaraan kes komersial dan menyelesaikannya dalam tempoh tidak lebih daripada sembilan bulan.

Bagi terus mempertingkatkan tahap kualiti penyampaian dan penyelarasan, kami memulakan penggunaan satu nombor rujukan perseorangan bagi setiap individu dan syarikat bagi kesemua urusan mereka merentasi pelbagai agensi kerajaan. Penggunaan MyKad bagi individu dan nombor pendaftaran perniagaan bagi syarikat, mempercepatkan proses rujukan silang merentasi pelbagai jabatan dan agensi.

- c. Membangun keupayaan:** Sebagai contoh, pelaksanaan Projek Inovasi Khidmat Awam (PIKA), di bawah skop Ketua Setiausaha Negara (KSN), bagi memilih dan melatih kakitangan awam yang terbaik dan berpotensi tinggi.

Seterusnya, pada September 2009, kami melancarkan Program Pertukaran Silang yang meminjamkan pegawai perkhidmatan awam ke syarikat berkaitan kerajaan (GLC), dan sebaliknya. Program Pertukaran Silang ini bertujuan membina pendedahan lebih positif, kemahiran dan rangkaian yang lebih bersepadu antara sektor awam dan swasta.

Sebagai satu lagi inisiatif dalam mempersiapkan kakitangan awam berprestasi tinggi, kita menaiktarafkan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di Bukit Kiara sebagai “*School of Government*”. Sekolah ini akan ditadbir secara autonomi dan profesional oleh pensyarah berkualiti dan bekerjasama dengan pelbagai institusi antarabangsa seperti Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun, Persatuan Komanwel untuk Pentadbiran Awam dan Pengurusan dan Kolej Perkhidmatan Awam, Singapura.


2.3 Walaupun berjaya mencapai kemajuan, matlamat pencapaian aspirasi Wawasan 2020 sememangnya mencabar

Walaupun kita berbangga dengan pencapaian kita sejak tahun 1990, kita masih perlu bekerja keras bagi memastikan kejayaan pencapaian matlamat ekonomi dan sosial dalam 10 tahun akan datang.

2.3.1 Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia telah menurun dan menunjukkan tanda-tanda ‘perangkap pendapatan sederhana’

Ambang Bank Dunia bagi ekonomi berpendapatan tinggi, diukur dalam aspek pendapatan negara kasar (GNI) per kapita, adalah USD 12,000. Ini diramalkan meningkat kepada USD 17,000 pada tahun 2020. Pada tahun 2008, GNI Malaysia adalah USD 7,000. Matlamat kita adalah melintasi garisan ambang berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Oleh yang demikian, dalam 10 tahun akan datang, kita perlu mencapai kadar pertumbuhan tahunan secara kasar sebanyak 8% (Gambajah 2.5).


Gambarajah 2.5



Terdapat dua pemerhatian yang menunjukkan, peningkatan sebanyak 8% setahun sehingga 2020 adalah amat mencabar bagi Malaysia.


Pertama, kadar pertumbuhan Malaysia telah menurun sejak krisis ekonomi 1997, merudum daripada purata kira-kira 9% setahun pada 1991-1997 (pra-krisis) kepada purata 5.5% setahun pada 2000-2008 (Gambarajah 2.6).

Gambarajah 2.6



Kedua, walaupun Malaysia berjaya melakukan peralihan awal daripada tahap negara pendapatan rendah kepada negara berpendapatan sederhana, kita masih belum berjaya melonjak naik ke dalam senarai negara berpendapatan tinggi. Sebaliknya, Negara-negara seperti Singapura, Jepun dan Korea Selatan terus meluaskan jurang antara mereka dan Malaysia (Gambarajah 2.7). Ahli ekonomi merujuk fenomena sebegini sebagai ‘perangkap pendapatan sederhana’.

Gambarajah 2.7



Pelbagai faktor menyumbang kepada tahap pertumbuhan Malaysia yang perlahan. Antaranya, Malaysia tidak lagi menjadi pusat eksport dan perkhidmatan kos rendah. Peralihan telah berlaku dengan kewujudan ekonomi baru seperti India, Vietnam dan China. Negara-negara ini muncul dengan menawarkan kos upah rendah dan pasaran pengguna domestik yang lebih besar, dan seterusnya menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang sebelumnya tertumpu di negara-negara yang mempunyai ekonomi lebih mantap. Sebagai contoh, kadar tumbesaran tahunan kompaun (CAGR) FDI ke Malaysia dari 2000 hingga 2007 hanya 1%, berbanding dengan 30% bagi India, 12% bagi Vietnam dan 10% bagi China.

Seterusnya, persekitaran perniagaan dalaman di Malaysia dan daya saing juga turut merudum. Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persaingan Global (GCI)¹¹ di bawah Forum Ekonomi Dunia, menurun daripada tempat ke-21 pada 2007 kepada tempat ke-24 pada 2009.

2.3.2 Malaysia mempunyai ruang untuk memperbaiki prestasi dalam aspek sosial

Prestasi Malaysia dalam beberapa aspek sosial utama memerlukan penambahbaikan bagi mencapai matlamat-matlamat sosial Wawasan 2020, seperti sasaran menjadi masyarakat bertatasusila dan beretika, serta seimbang dari segi ekonomi. Contoh aspek sosial yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

¹¹ GCI mengukur pemangkin perdagangan di antaranya rangka institusi, infrastruktur, kecekapan pasaran, kecanggihan perdagangan dan daya inovatif

- **Jenayah:** Tahap keselamatan awam bertambah buruk dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Jenayah seperti kecurian harta (seperti kes ragut, curi kenderaan) dan jenayah kekerasan (seperti samun) turut meningkat.
- **Rasuah:** Persepsi rakyat bahawa amalan rasuah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, diperkukuhkan apabila kedudukan Malaysia merosot dalam Indeks Persepsi Korupsi *Transparency International*. Pada 2009, kedudukan Malaysia jatuh 9 tangga berbanding tahun sebelumnya, iaitu daripada 47 kepada 56.
- **Pendidikan:** Walaupun tahap literasi dewasa meningkat, tetapi wujud tanda-tanda bahawa Malaysia masih di belakang pada tahap hasil pembelajaran pelajar. Berdasarkan pada Kajian Trend Dalam Sains dan Matematik Antarabangsa (TIMMS) tahun 2007, 20% pelajar Malaysia gagal memenuhi tahap minima. Pencapaian pelajar kita dalam TTMSS juga ketinggalan jauh, berbanding negara-negara seperti Hong Kong, Korea Selatan dan Singapura.
- **Agihan pendapatan:** Terdapat lebih banyak ruang bagi memastikan hasil pembangunan dapat dinikmati oleh pelbagai masyarakat di seluruh Malaysia. Ini termasuk pembasmian kemiskinan tegar¹² – berdasarkan pangkalan data eKasih, masih terdapat lebih daripada 40,000 keluarga miskin tegar di negara ini. Ia juga bermaksud menangani jurang pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar, dan antara kumpulan berpendapatan tinggi dan rendah. Penunjuk agihan pendapatan, unit pekali Gini (*Gini coefficient*), bagi Malaysia adalah 0.441 pada tahun 2007 (nilai 0 adalah pengagihan setara sempurna dan 1 adalah pengagihan tidak setara yang sempurna). Apabila penunjuk unit pekali Gini Malaysia dibandingkan dengan indeks Gini UNDP, pendapatan Malaysia adalah yang kedua paling tidak setara di Asia, selepas China.

2.3.3 Kita berada dalam situasi fiskal yang mencabar, dan perlu mengurangkan perbelanjaan kerajaan, di samping meningkatkan prestasi

Malaysia berada di dalam kedudukan kewangan yang mencabar. Rakyat mengharapkan perkhidmatan awam berkualiti tinggi, rangsangan bagi kemerosotan ekonomi dan permintaan penyelesaian segera bagi pelbagai aspek penting seperti jenayah dan pendidikan. Sentimen ini adalah konsisten dengan trend global yang menunjukkan peningkatan dalam harapan penduduk di seluruh dunia bagi penambahbaikan prestasi kerajaan mereka masing-masing, dalam pelbagai aspek seperti berikut:

- Mempertingkatkan hasil dalam aspek kesihatan, pendidikan atau jenayah
- Mempertingkatkan perkhidmatan pelanggan, termasuk lebih banyak pilihan dan perkhidmatan yang sesuai dengan permintaan
- Mempertingkatkan tahap kecekapan kerajaan, seterusnya mengurangkan cukai

Keupayaan Malaysia membiayai peningkatan prestasi menjadi terhad, memandangkan kedudukan fiskal yang merosot sejak 1997. Pada 2009, negara kita mengalami defisit bajet terbesar (lebih perbelanjaan kerajaan berbanding pendapatan) dalam tempoh lebih 20 tahun: 7.4% daripada KDNK. Sebenarnya, defisit bajet kita meningkat secara konsisten sejak 1997. Perkara ini telah menyumbang kepada tahap hutang kerajaan dalam dan luar negeri yang tinggi (kira-kira RM 522 bilion pada 2008). Walaupun kadang-kadang defisit bajet diperlukan bagi merangsang ekonomi dalam kemelesetan, dalam jangka masa panjang, jika tidak

12 Bab 9 membincangkan langkah yang diambil bagi menangani isu kemiskinan dan mengenalpasti kriteria kemiskinan dan kemiskinan tegar

ditangani dengan baik, ia akan menjejaskan keupayaan perkembangan generasi akan datang dan pembiayaan pelaburan yang diperlukan.

Negara kita sedang menghadapi dilema. Terdapat keperluan segera bagi mengurangkan perbelanjaan. Oleh itu, perbelanjaan mengurus dalam Bajet 2010 adalah 14% lebih rendah daripada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, kerajaan masih perlu mencapai hasil ekonomi dan sosial dengan cepat dan terbaik. Pada kesudahannya, kami perlu:

- Mengutamakan peruntukan dana bagi aspek terpenting
- Melakukan 'lebih dengan kurang' (*more for less*), iaitu, meningkatkan produktiviti dan kecekapan menggunakan kaedah baru yang lebih pantas dan mudah
- Mengurangkan subsidi dan herotan ekonomi secara beransur-ansur

Walaupun terdapat banyak halangan, ia dapat diharungi dengan dedikasi dan kerjasama antara kerajaan dan rakyat. Dalam Pelan Halatuju ini, kami menyusun atur komitmen – melalui Program Transformasi Kerajaan – bagi mengatasi cabaran dan mencapai matlamat Wawasan 2020, untuk manfaat Malaysia dan semua rakyatnya.



